



## Perhimpunan JPS Bulan November 2010

Oleh : Bahagian Korporat



1. Bacaan ikrar diketuai oleh En. Mohd Zaki bin Khaidir
2. Pengacara Majlis Pn. Azah Azura binti Ali Amran
3. En. Zainal Akamar bin Harun memimpin bacaan doa



Perhimpunan Bulanan JPS telah diadakan pada pagi Jumaat 12 November 2010 di perkarangan Ibu Pejabat JPS, Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur. Hujan yang agak lebat tidak mematahkan semangat warga JPS untuk berhimpun dan mendengar amanat dari Dato' Ketua Pengarah, Y. Bhg. Dato' Ir. Hj. Ahmad Husaini bin Sulaiman. Dato' KP memulai ucapannya dengan mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada semua warga yang beragama Hindu dan Selamat Hari Raya Aidil Adha kepada yang beragama Islam. Dato' turut berterima kasih kepada semua yang mendo'akan kesihatan ayahanda beliau yang dimasukkan ke ICU baru-baru ini dan kini sudah beransur pulih.

Dato' KP seterusnya mengingatkan warga JPS supaya mengambil berat mengenai Laporan Prestasi 2010 dengan mengisi SKT dan menghubungi Bahagian Khidmat Pengurusan jika terdapat masalah; ini penting agar tidak menjejaskan proses kenaikan pangkat dan *career path* masing-masing kelak. Menyentuh mengenai pencapaian Aplikasi HRMIS dan SISWA Jabatan, Dato' KP menyuarakan kekecewaannya bilamana nama JPS tidak tersenarai pun sebagai salah satu pemenang dalam pertandingan HRMIS terbaik antara agensi dibawah NRE baru-baru ini gara-gara sikap sambil lewa segelintir pegawai yang tidak mengemaskini maklumat masing-masing. Dato' KP meminta seluruh warga dan pegawai-pegawai HRMIS untuk saling bekerjasama bagi memastikan tahap kemaskini HRMIS mencapai 100%.

Menyentuh isu banjir dimusim tengkujuh yang sedang melanda banyak negeri seperti Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Sabah ketika ini, Dato' KP mengingatkan seluruh warga JPS, mengikut Bahagian dan fungsi masing-masing, untuk turun padang dan meninjau sendiri keadaan sebenar di tapak dan mengenal pasti punca masalah supaya penyelesaian jangka panjang yang kekal dapat dilaksanakan. Dato' KP memberi cabaran kepada seluruh warga terutama jurutera muda untuk menghasilkan rekabentuk yang lebih inovatif dan cadangan teknikal/bukan teknikal yang dapat dikongsi dan dilaksanakan demi mengatasi masalah banjir dan lain-lain. Peruntukan besar yang diberi saban tahun kepada JPS menunjukkan harapan besar kerajaan dan rakyat terhadap keupayaan JPS, yang kini berusia 78 tahun, untuk menggalas tanggungjawab yang diamanahkan. Masalah banjir bukan tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi (BPSAH) semata tetapi ia wajib digalas oleh semua Bahagian di JPS. Namun begitu BPSAH diminta memantapkan sistem ramalan banjir yang dapat memberi ramalan/amaran lebih awal dan bukannya selepas banjir berlaku.

Mengakhiri ucapannya, Dato' KP berharap seluruh warga akan terus berusaha dan bekerja keras meskipun Negara masih dibelenggu masalah ekonomi dan peruntukan bagi setiap jabatan terpaksa dikurangkan. Begitu juga dengan program program meningkatkan kualiti. Dato' KP

Sidang Redaksi

**Penasihat**

Y. Bhg. Dato' Ir. Hj. Ahmad Husaini bin Sulaiman

**Ketua Editor**

En. Idris bin Yussof

**Editor**

Hj. Miskon bin Seliman

**Penolong Editor**

En. Mohammad Hamidi bin Hj. Che Wook  
Pn. Nurul Aini binti Muhamad Mokhtar  
Pn. Muridah binti Jazuri

**Jurufoto**

En. Harold Gabriel Krishnan

**Sumbangan Berita Oleh**

Tn. Hj. Md. Khairi bin Selamat – Bahagian Korporat  
Hj. Rehan bin Ahmad – Bahagian Rekabentuk dan Empangan  
En. Mohd Nazim bin Hj. Keling – Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi  
Pn. Nurazaini binti Mokhtar – Bahagian Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak  
En. Ridwan bin Udin – Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Cik Mashizam binti Mohamad – Pustakawan JPS Malaysia  
Pn. Sarah binti Hj. Ismail – Seksyen Lembangan Sungai  
Cik Sazliana binti Abu Omar – Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Cik Nik Nurul Adawiah binti Nik Badrul Alam – Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Pn. Teh Ah Yeow – AJK PUSPANITA JPS Malaysia  
En. Hamid Anuar bin Amirullah – Bahagian Pengurusan Maklumat

**Diterbitkan Oleh**

Bahagian Korporat  
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia  
Jalan Sultan Salahuddin  
50626 Kuala Lumpur

**Direka Grafik dan Dicetak Oleh**  
Red October

*Sebarang maklumat dan berita serta gambar-gambar untuk keluaran akan datang boleh dihantar kepada kami melalui:*

Email: [nurul.aini@water.gov.my](mailto:nurul.aini@water.gov.my)  
[muridah@water.gov.my](mailto:muridah@water.gov.my)

# Majlis Penghargaan Dan Penyampaian Hadiah Aktiviti Perpustakaan JPS Malaysia

Oleh: Perpustakaan JPS Malaysia

Majlis Penghargaan dan Penyampaian Hadiah Aktiviti Perpustakaan JPS Malaysia telah berlangsung sempena Majlis Perhimpunan Pagi yang telah diadakan pada 12 November 2010 di perkarangan Ibu Pejabat, JPS Malaysia. Penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Dato' Ir. Hj. Ahmad Husaini bin Sulaiman, Ketua Pengarah JPS Malaysia. Majlis ini bertujuan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada para pegawai dan kakitangan Jabatan yang menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh Perpustakaan dan sekaligus memberi galakan kepada warga JPS yang lain untuk melibatkan diri dalam aktiviti perpustakaan pada masa akan datang. Hadiah peminjam terbanyak telah dimenangi oleh Pn. Sabariah binti Ishak dari Bahagian Khidmat Pengurusan, Pn. Shofia binti Sapee dari Bahagian Khidmat Pengurusan, Pn. Zaleha binti Sudin dari Bahagian Saliran Mesra Alam, Cik Siti Azura binti Mat Daud dari Bahagian Pengurusan Banjir, dan Pn. Marianawati binti Bujang dari Bahagian Korporat. Manakala hadiah bagi Pengunjung Bertuah Perpustakaan 2010 telah dimenangi oleh Ir. Mohd. Noor bin Bidin dari Bahagian Rekabentuk dan Empangan.



# Developing Strategic Skills For Organisational Improvement

## Pengalaman Berkursus Di RIPA International London

Disediakan oleh Hj. Md Khairi bin Selamat, Bahagian Korporat JPS Malaysia

Pengalaman yang diperolehi oleh dua orang jurutera JPS Hj. Md Khairi bin Selamat, Bahagian Korporat dan Hj. Abdullah bin Isnin, Seksyen Operasi SMART semasa mengikuti kursus *Developing Strategic Skills for Organisational Improvement* di RIPA International, London dari 25 Oktober hingga 5 November 2010 merupakan pengalaman yang sangat berharga dan bermanfaat. Kursus ini sangat kena pada masanya dimana pihak Jabatan perlu menilai keupayaan dan kejayaan yang telah dilalui untuk membuat lonjakan selaras dengan perubahan dasar kerajaan dan visi untuk menjadi negara maju pada tahun 2020.

Kursus ini yang dijalankan melalui kaedah syarahan, perbincangan, kajian kes dan lawatan ke organisasi yang berkaitan dengan penyediaan dan pelaksanaan strategi, kami telah mendapat pengetahuan mengenai perkara-perkara berkaitan prestasi dan keupayaan strategik organisasi, menterjemahkan strategi dan dasar kepada *outcome*, pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat secara strategik, pemantauan dan penilaian strategi dan dasar, kepimpinan strategik, analisis SWOT dan penentuan halatuju strategik, keupayaan dan gaya komunikasi, keupayaan untuk berubah dan membangun, membangunkan perancangan strategik organisasi, penjenamaan dan penstrukturan organisasi dan pengurusan perubahan dalam organisasi.

Sesuatu organisasi yang mahu berubah dan maju ke hadapan, memerlukan kepimpinan yang mantap dan dinamik. Selaras dengan itu, menyedia dan membangunkan pemimpin untuk masa hadapan sebagai agen perubahan sangatlah diperlukan bagi pencapaian diluar jangkaan.

Banyak faedah dan pengetahuan yang telah diperolehi daripada kursus yang telah dihadiri ini. Peserta-peserta kursus juga telah dibawa melawat pejabat *Department for International Development* dan *Cabinet Office* serta diberikan taklimat yang berkaitan dengan penyediaan dan pembangunan strategi kerajaan.

Kursus ini sangat bermanfaat kepada semua organisasi untuk mengambil inisiatif perubahan dan pembangunan selari dengan cabaran semasa yang lebih global. Satu pengajaran yang sangat berharga dan perlu diambil iktibar adalah mengenai komitmen dan pengurusan organisasi secara bersepadu untuk mencapai visi yang ditetapkan. Penilaian organisasi terhadap keupayaan semasa untuk membangun dan mendepani cabaran.



# Keselamatan Empangan : Pengajaran Dari Kegagalan

Oleh : Rehan bin Ahmad, Bahagian Rekabentuk dan Empangan

Amalan Pengurusan Terbaik (*Best Management Practices - BMP*) perlu dijadikan intipati kepada penyelesaian permasalahan kegagalan empangan. Dalam satu 'Seminar In Visual Inspection Of Existing Dams and Technical Study Tour' yang dihadiri oleh penulis dan Pengarah BRE, Ir. Lee Loke Chong bersama-sama 44 peserta dari 15 buah negara pada 22 Ogos hingga 2 September 2010 di Colorado, Amerika Syarikat, peserta seminar telah dibawa melawat beberapa buah empangan. Antaranya ialah Empangan Hoover (Boulder), Las Vegas yang telah menampilkan satu contoh terbaik dimana AMP dijalankan semenjak ianya siap dibina pada 1935 sehingga kini. Empangan ini telah diisytiharkan sebagai *UNESCO World Heritage Site* kerana keunikan dan kehebatan teknologi pembuatan di era 1930an yang mampu membekalkan air minuman dan tenaga letrik di bandaraya-bandaraya berdekatan. Ianya juga telah menjadi tempat tarikan pelancong yang berjumlah sekitar 1 juta pelancong setahun. Bukti-bukti kerja yang berkualiti tinggi masih boleh dilihat ditapak disebabkan oleh kerja penyelenggaraan yang bermutu tinggi. Selain itu pihak pengurusan juga mempunyai peruntukan penyelenggaraan yang mencukupi hasil daripada kos sewaan menyimpan air di kolam takungan yang dikenakan ke atas pihak-pihak yang berkepentingan.

Empangan adalah struktur hidraulik yang dibina untuk menahan air, kelodak, air kumbahan, *tailings* dll. Keunikan struktur empangan adalah kerana tidak terdapat persamaan dari segi rekabentuk dan ciri-cirinya yang sama antara sesama empangan. Terdapat beberapa jenis empangan termasuk konkrit (bertetulang, *roller compacted*), benteng (tanah, *rockfill*) dan batu (*masonry*). Antara faktor yang mempengaruhi rekabentuknya adalah keadaan tapak dan kesesuaian bahan binaan yang terdapat di persekitaran tapak bina. Antara fungsi utama empangan yang dibina oleh jabatan adalah untuk tebatan banjir, pengairan dan penahan kelodak. Namun bagi agensi lain di Malaysia, empangan juga berfungsi untuk kegunaan bekalan air (domestik, industri), rekreasi dan menjanakuasa letrik hidro. Empangan perlu diurus dengan baik dari peringkat kajian hingga ke peringkat pengoperasian dan penyelenggaraan. Namun sebagaimana intipati falsafah *International Commission on Large Dams (ICOLD)* yang memberi amaran bahawa sesebuah empangan yang berada di dalam keadaan selamat tidak semestinya akan sentiasa berada di dalam keadaan selamat. *United States Bureau of Reclamation (USBR)*, badan yang mengurus empangan-empangan di sebelah barat Amerika Syarikat, merekodkan antara kegagalan empangan di Amerika Syarikat berpunca dari perlimpahan (34%), kegagalan tapak (30%), resapan dan 'piping' (20%), saluran (*conduits*) dan valva (*valves*) (10%) dan lain-lain (6%).

Justeru empangan yang dibina, selain diselenggara dengan baik, ianya perlu diawasi (*surveillance*) dari segala aspek supaya integritinya terjamin. Pengawasan empangan melibatkan dua (2) teras kerja utama; pemeriksaan dan pemantauan. Pemeriksaan dan pemantauan ke atas empangan perlu dilaksanakan oleh tenaga teknikal yang terlatih serta kompeten secara berkala di samping keperluan peruntukan yang mencukupi untuk membuat kerja-kerja pembaikan dan pemulihan dari semasa ke semasa untuk memastikan integriti empangan terjamin. Pemeriksaan secara visual dibuat ke atas empangan untuk memeriksa perubahan atau kecacatan fizikal yang berlaku. Pemantauan pula, dilaksanakan dengan menganalisis data-data instrumentasi yang dibaca secara berkala bergantung kepada rekabentuk peralatan yang digunakan. Pemantauan akan dapat mengenal pasti kejanggalan perlakuan empangan (*dam behavioural*). Kejanggalan tren data dari keadaan di luar norma julat akan memberikan maklumat awalan tentang integriti empangan.

Pada masa ini semakin banyak penekanan ke atas keperluan mengadakan Pelan Tindakan Kecemasan (*Emergency Action Plan - EAP*) setelah orang awam peka


tentang kepentingan keselamatan empangan. Oleh kerana kegagalan empangan boleh berlaku dalam masa beberapa jam atau minit, maka ianya menjadi satu kemestian mengadakan satu pelan tindakan kecemasan yang terperinci. Operator empangan dan agensi tempatan perlu bersedia untuk bertindak dengan segera dan berkesan sebaik saja tanda-tanda kegagalan empangan akan berlaku. Pengesanan awal tentang keadaan meruncing akan memberikan masa yang mencukupi untuk memberi amaran dan memindahkan penduduk di hiliran dan akan dapat melaksanakan langkah-langkah melambatkan atau mengelakkan dari berlakunya kegagalan empangan. Namun begitu, setelah pelbagai usaha-usaha sebaik mungkin telah dilakukan, masih terdapat juga kegagalan empangan dari semasa ke semasa, hatta di negara maju sekalipun. Rekod menunjukkan dalam abad ke20 ini, terdapat sekurang-kurangnya 200 kegagalan empangan bersaiz sederhana dan hampir 8,000 jiwa yang hilang.

Empangan Vajont, Itali mengalami satu peristiwa persis tsunami apabila berlaku tanah runtuh di hulu empangan. Satu ketulan batu-batan berukuran 2000m panjang dan 1700m lebar telah runtuh ke dalam kolam takungan yang menghasilkan ombak setinggi 250m atas puncak empangan dengan kelajuan 110km/jam dan telah membunuh 2,500 orang di persekitaran empangan. Walau bagaimanapun empangan tersebut tidak runtuh dan masih berfungsi hingga ke hari ini. Empangan Castlewood, Colorado menemui kegagalan disebabkan oleh air melimpah lebih dari aras puncaknya (*crest*). Antara pengajaran dari insiden ini adalah alur limpah tidak direkabentuk untuk keadaan maksima kemungkinan banjir (*Probable maximum flood - PMF*), kegagalan mengenal pasti kelunturan batu-batan (*masonry*) dan kegagalan mengenal pasti *mode* kegagalan dan kesannya. Empangan Tasik Lawn, Colorado dibina pada 1903 dan mengalami kegagalan pada 1982. Aliran air dari tasik ini telah memusnahkan dua (2) lagi empangan yang berada dihiliran (Empangan Cascade dan Empangan Estes) yang mengorbankan 3 orang dan sebuah bandar. Pengajaran dari tragedi ini adalah walaupun empangan ini tidak pernah mengalami apa-apa masalah semenjak dibina pada 1903 ianya tidak bermakna empangan ini akan sentiasa berada dalam keadaan selamat. Adalah penting untuk menilai semula dokumen rekabentuk dan pembinaan untuk memastikan tidak terdapat masalah kecacatan tersembunyi (*latent defects*) yang akan timbul dalam jangka masa yang lama selepas pembinaan.

Empangan Teton, Idaho, dijadikan contoh klasik bagi USBR kerana selepas dari tragedi ini pada 1976, pihak Kongres Amerika Syarikat telah mewajibkan supaya dibangunkan program keselamatan empangan. Empangan ini telah mengalami kegagalan dari bermulanya proses pengisian empangan pertama (*first impoundment*) akibat daripada 'piping' dan hakisan dalaman. Di dalam negara pula, sejarah mencatatkan Tragedi Kuala Kubu (1883), yang mengalami banjir besar disebabkan oleh empangan pecah dan mengorbankan nyawa dan harta benda termasuklah pegawai daerahnya yang berbangsa Inggeris. Keseluruhan pekan Kuala Kubu telah musnah dan dibangunkan pekan Kuala Kubu Bharu berdekatan dengan pekan lama.

Justeru, bagi memastikan keselamatan empangan yang juga merupakan antara komponen yang penting di dalam kelestarian sistem sungai di bawah program Pengurusan Sumber Air Bersepadu (*Integrated Water Resources Management - IWRM*), kerja-kerja pengawasan empangan perlu dilaksanakan secara berkala dengan tenaga berkompeten dan kewanang yang mencukupi bagi memastikan empangan adalah selamat demi mengelakkan kehilangan nyawa dan harta benda.

Disemak Oleh : Ir. Lee Loke Chong



Empangan Hoover, Las Vegas



# Kursus GIS Dan Remote Sensing

Oleh : Seksyen Lembangan Sungai

Pada 11 hingga 12 November 2010, 2 orang pegawai JPS iaitu En. Mohd Hazri bin Mohd Khambali dan Pn. Nurazlina binti Mohd Zaid telah menghadiri kursus pendek di Holland bertajuk GIS dan *Remote Sensing*. Kursus tersebut telah diadakan di UNESCO-IHE, *Institute for Water Education*, Delft, Netherland.

Kursus tajaan JPA ini bertujuan untuk mendalami ilmu GIS dan *Remote Sensing*. Antara faedah dan kebaikan yang diperolehi daripada kursus tersebut adalah dapat mempraktikkan teknologi pengurusan data GIS dalam tugas harian berkaitan Pengurusan Sungai Secara Bersepadu (IRBM) dan program pendekatan 'jps@komuniti'. Perkembangan yang sangat pantas dalam penggunaan data spatial digital dan data temporal sangat perlu dikuasai dan penting dalam membantu aspek pengurusan air di Malaysia kerana situasi di Malaysia yang melibatkan banyak pihak berkepentingan dalam sektor ini. Di samping itu, peserta kursus lebih memahami tentang keperluan pengurusan data-data maklumat yang sangat kritikal dalam pengurusan sumber air dan kepentingan perkongsian data ini dengan semua bahagian-bahagian dalam JPS. GIS juga dilihat sebagai 'tool' yang sangat penting dalam memastikan JPS mencapai tahap kelas dunia dan maju seiring dengan institusi-institusi pengurusan air dunia lain terutamanya di Eropah.

Antara kebaikan-kebaikan yang diperolehi semasa menjalani kursus tersebut adalah kursus dijalankan berdasarkan kajian kes yang disertakan. Ini memudahkan kefahaman untuk mengaitkan apa yang dipelajari dengan tugas seharian di pejabat. Para pensyarah kursus ini merupakan tokoh-tokoh dan pakar di bidang ini dan tersohor di peringkat antarabangsa berkaitan pengurusan sumber air manakala kemudahan pembelajaran pula disokong dengan alat bantuan pembelajaran terkini dan dapat berkongsi pengalaman dengan pelajar-pelajar dari Negara lain berkaitan ilmu-ilmu yang dipelajari.



# Mesyuarat Penilaian Semula Pelan Strategik GIS JPS

Oleh : Bahagian Pengurusan Maklumat

Mesyuarat Penilaian Semula Pelan Strategik *Geographic Information System (GIS)* JPS telah diadakan di Hotel Sunway, Georgetown, Pulau Pinang pada 24 hingga 26 Oktober 2010. Mesyuarat tersebut telah dikelolakan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat bersama Bahagian Korporat dan dirasmikan oleh Puan Norizan binti Harun, Pengerah Bahagian Pengurusan Maklumat, JPS Malaysia.

Objektif utama mesyuarat ini diadakan adalah untuk menilai semula di samping untuk mendapatkan maklumbalas daripada ahli mesyuarat berkaitan dengan pelaksanaan GIS di Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia sejak Pelan Strategik GIS JPS dilancarkan pada tahun 2008. Hasil bengkel ini adalah Pelan Tindakan Pelaksanaan GIS bagi tahun 2011 – 2012.

Ahli-ahli yang menyertai mesyuarat ini adalah mereka yang berpengalaman dalam bidang GIS serta ada di antara mereka yang pernah terlibat dalam penghasilan Pelan Strategik GIS JPS 2008 dan juga Ahli Jawatankuasa GIS JPS yang mewakili setiap Bahagian. Turut serta adalah Tuan Haji Anual bin Aziz daripada MacGDI yang telah memberi taklimat bertajuk "Penyediaan ISP Bagi Memenuhi Keperluan Geospatial Negara" sebelum bengkel bermula bagi memastikan pelaksanaan GIS di JPS selaras dengan pembangunan Data Geospatial Kebangsaan.



## INWRDAM Expert Group Meeting On Climate Change And Possible Impacts On Water Resources In Organization Of The Islamic (OIC) Countries

Oleh : UNESCO-IHP Malaysia, Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi

Mesyuarat *The Inter-Islamic Network on Water Resources Development and Management, Amman - Jordan* (INWRDAM) berkenaan *Climate Change and Possible Impacts On Water Resources In Organization of The Islamic (OIC) Countries* telah diadakan pada 25 hingga 28 Oktober 2010 bertempat di Hotel Melia, Kuala Lumpur. Mesyuarat ini adalah anjuran INWRDAM dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, UNESCO-IHP Malaysia dan ditaja oleh Bank Pembangunan Islam Jeddah (IDB). Ucapan al-huan telah disampaikan oleh Pengarah Eksekutif, INWRDAM Dr. Murad Bino dan Y. Bhg. Dato' Ir. Hj. Ahmad Husaini bin Sulaiman, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah menyampaikan ucapan utama.

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membangkitkan isu berkenaan perubahan iklim dan kesan-kesan yang berkemungkinan kepada sumber air di negara-negara anggota pertubuhan OIC. Program selama 4 hari telah diisi dengan pembentangan kertas kerja daripada pakar-pakar sumber air dari Uzbekistan, Pakistan, Turki, Iraq, Syria, Lebanon, Oman dan Egypt. Kertas kerja Malaysia telah dibentangkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Kesimpulan mesyuarat tersebut telah dibentangkan oleh Pengarah Eksekutif INWRDAM pada sesi penutupan. Ahli mesyuarat telah dibentangkan ke Pusat Kawalan SMART Kuala Lumpur dan diraikan oleh Y. Bhg. Dato' Ketua Pengarah di Restoran Melayu Jalan Conlay, Kuala Lumpur.



## Kursus Analisis Dan Kajian Keperluan Latihan Untuk Penolong Jurutera

Oleh : Bahagian Pembangunan Modal Insan

Kursus Analisis dan Kajian Keperluan Latihan Untuk Penolong Jurutera telah berlangsung pada 3 hingga 6 November 2010 di Institut Pengurusan Air Kebangsaan, NAWMI Kota Bharu, Kelantan. Kursus tersebut telah dirasmikan oleh Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan, En. Wahid Anuar bin Ahmad dan disertai oleh seramai 34 orang Penolong Jurutera. Kursus ini merupakan platform untuk mendapatkan maklumat awal berkenaan keperluan latihan bagi semua staf melalui kajian rintis dan 'kumpulan fokus' (*focus group*) yang akan dijalankan. Ia juga dapat mewujudkan budaya perancangan dan perancangan yang terperinci bagi keperluan latihan dalam organisasi.

Antara objektif kursus tersebut diadakan adalah pemahaman dasar berkenaan kepentingan analisis keperluan latihan dalam memberikan input-input yang kontemporari kepada organisasi dalam merangka dan merencanakan senarai latihan yang menepati keperluan. Selain itu, ia juga merupakan aplikasi penyediaan dan pelaksanaan analisis keperluan latihan yang praktikal dan mudah dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang kritikal daripada warga yang berkenaan.

Antara aktiviti-aktiviti yang berlangsung semasa kursus tersebut diadakan ialah diskusi dua-hala, latihan amali analisis keperluan latihan, soal selidik & kumpulan fokus, kajian kes & permainan simulasi dan analisis SWOT & pelan bertindak.



## Taklimat Pengurusan Khas Jurutera Daerah JPS Malaysia

Oleh : Bahagian Pembangunan Modal Insan

Pada 27 hingga 30 November 2010, telah berlangsung satu majlis Taklimat Pengurusan Khas Jurutera Daerah JPS Malaysia di Hotel Felda Residence, Kuala Terengganu. Majlis tersebut telah diketuai oleh Pn. Ir. Salmiah binti Abdul Rahman selaku Penyelaras Kursus. Antara pegawai tertinggi JPS yang hadir semasa majlis taklimat tersebut ialah Y. Bhg. Dato' Ir. Hj. Ahmad Husaini bin Sulaiman, Ketua Pengarah JPS Malaysia, Tn. Hj. Mat Hussin bin Ghani, Pengarah JPS Terengganu, En. Wahid Anuar bin Ahmad, Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan, Pn. Hajjah Azizah binti Mohamed, Timbalan Pengarah JPS Terengganu, dan En. Ghazali bin Daud, Ketua Penolong Pengarah JPS Terengganu. Seramai 39 orang peserta telah menghadiri taklimat berkenaan.

Taklimat Pengurusan Khas Jurutera Daerah JPS Malaysia anjuran Bahagian Pembangunan Modal Insan ini bertujuan untuk memantapkan keupayaan dan peranan Jurutera Daerah JPS Malaysia yang kini berhadapan dengan perubahan yang kritikal dalam pengurusan. Sementara itu, perhubungan dan pembangunan imej yang positif dalam organisasi jabatan samada dengan dunia luar dan awam akan memastikan sokongan dan kepercayaan yang berterusan terhadap jabatan dalam mengejar objektifnya.

Selama 3 hari, peserta telah didedahkan dengan teknik-teknik terkini pengurusan dan juga cara-cara berhadapan organisasi dalaman, pelanggan dan media massa. Persekitaran yang dinamik dan kompleks menuntut JPS untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti tinggi, dengan menitikberatkan kepantasan bekerja, akauntabiliti, disiplin diri dan organisasi yang tinggi serta memenuhi aspirasi pelanggan. Ini bermakna jabatan perlu membuat perubahan secara berterusan agar terus relevan dengan tuntutan semasa.



# Kursus 4th International Course On Flood Mitigation And Stormwater Management

Oleh : Bahagian Pembangunan Modal Insan

Bahagian Pembangunan Modal Insan telah menganjurkan Kursus 4th International On Flood Mitigation and Stormwater Management yang telah diadakan pada 4 hingga 22 Oktober 2010. Kursus yang berlangsung selama 20 hari ini telah diadakan di JPS Ampang dan dihadiri oleh 4 orang pegawai JPS dan 21 orang peserta-peserta daripada negara luar. Peserta-peserta negara luar yang menghadiri kursus ini adalah dari Nigeria, Jordan, Filipina, Mesir, Thailand, Sri Lanka, Maldives, Vietnam, Cambodia, Tunisia, China, Morocco, Oman, Tuvalu dan Myanmar. Pn. Hjh. Salmah binti Mohd. Soom selaku Pengarah K-DICODE telah merasmikan pembukaan kursus tersebut. Objektif kursus ini diadakan adalah untuk memperkenalkan teknologi terkini yang digunakan oleh JPS dalam pengurusan banjir dan mengeratkan kerjasama antara negara.

Pada hari terakhir kursus ini iaitu pada 22 Oktober 2010, telah diadakan majlis penutupan Kursus 4th International On Flood Mitigation and Stormwater Management di Hotel D' Palma. Majlis penutupan ini telah disempurnakan oleh Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan), Y. Bhg. Dato' Ir. Lim Chow Hock. Antara pegawai-pegawai yang hadir semasa majlis penutupan tersebut ialah En. Wahid Anuar bin Ahmad, Pn. Hjh. Salmah binti Mohd. Soom, Ir. Low Koon Sing, Tn. Hj. Ir. Syed Abdul Hamed bin Syed Syuib dan Pn. Wan Sarinah binti Mohd. Salleh – KLN. Semasa sesi penutupan ini juga dipersembahkan acara tarian bagi memperkenalkan kebudayaan Malaysia kepada peserta-peserta luar.



# Lawatan Ke Terminal Bersepadu Selatan Di Bandar Tasik Selatan Pada 3 November 2010

Oleh : Pn. Nurazaini binti Mokhtar, Bahagian Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak



Pada 3 November 2010 yang lalu, wakil dari Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia iaitu Pn. Norazia binti Ibrahim, Ir. Nizar bin Mohd Nasir, Pn. Nurazaini binti Mokhtar dan En. Zaharuddin bin Hussain bersama dengan 39 orang Pegawai Kader JKR Malaysia dari pelbagai Agensi, Kementerian dan Staf Bahagian Kader JKR telah membuat satu Lawatan Sambil Belajar ke Projek Terminal Bersepadu Selatan di Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur.

Lawatan ini adalah salah satu aktiviti yang dianjurkan oleh Majlis Tindakan Kader dengan kerjasama Jabatan Keretapi Malaysia dan Kementerian Pengangkutan Malaysia. Lawatan dimulai dengan satu taklimat latarbelakang projek oleh Pengurus Projek, En. Fadhil dari KLIA Consult dan diikuti dengan taklimat projek oleh wakil Kontraktor Utama, Maju Holding Sdn. Bhd.

Terminal Bersepadu Selatan – Bandar Tasik Selatan (TBS-BTS) setinggi 6 tingkat ini yang akan dibuka mulai November ini bakal memberikan keselesaan yang lebih kepada pengguna berbanding lapangan terbang di Malaysia. TBS ini juga mengambil kira keselesaan bagi

Orang Kelainan Upaya (OKU) dan kemudahan mesra pengguna di mana 100 petak ruang menunggu bas, 21 petak pelepasan dan 18 petak ketibaan disediakan bagi menampung kapasiti 130 pelepasan dan ketibaan bas dalam masa satu jam.

TBS itu juga dilengkapi dengan 16 platform bas antara Bandar, 100 petak parkir bas terbuka, 150 petak parkir teksi dan 1,000 petak parkir awam dengan tanah seluas 19.6 hektar dan keluasan terminal 95,000 meter persegi. TBS ini juga dihubungkan melalui Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA), Lebuhraya Seremban di bahagian selatan serta Jalan Lingkaran Tengah II (MRR II) di bahagian timur. Disamping itu, terminal ini digabungkan dengan perkhidmatan Sistem Transit Aliran Ringan (LRT), Komuter (KTM) dan Express Rail Link (ERL) yang mempunyai stesen dalam lingkungan v 200 meter.

Selepas sesi taklimat, para peserta dibawa melawat ke sekitar bangunan terminal yang dalam proses penyiapan. Lawatan ini berakhir pada jam 1.00 petang dimana ianya memberikan pendedahan dan pengalaman baru kepada peserta lawatan.



# JPS Juara Pertandingan Senamrobik NRE Sempena Hari Inovasi NRE

Oleh : Biro Sukan Rekreasi dan Sukan Rakyat, KESSO

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah menyertai Pertandingan Senamrobik NRE sempena Hari Inovasi NRE 2010 yang telah diadakan pada 3 November 2010 bertempat di Dewan Baiduri, Podium 3, Wisma Sumber Asli. Setelah berlatih secara intensif selama 1 minggu, 6 orang warga JPS telah dipilih untuk mewakili Jabatan dalam pertandingan tersebut.

Pasukan JPS telah muncul sebagai Johan, diikuti dengan JUPEM sebagai naib johan dan JPSM (Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia) di tempat ketiga. Pasukan JPS yang telah memenangi pertandingan senamrobik tersebut telah dijemput untuk membuat persembahan sekali lagi dan seterusnya menerima piala kemenangan dan sijil penghargaan semasa Hari Inovasi NRE pada 10 November 2010 di dewan yang sama.

Pertandingan ini adalah merupakan cetusan idea dan ilham daripada Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Y. Bhg. Dato' Zoal Azha bin Yusof selaras dengan kempen 1NRE Sihat. Ia juga bertujuan untuk melahir dan mendidik warga NRE untuk mengamalkan gaya hidup sihat sama ada di pejabat ataupun di rumah. Dengan amalan gaya hidup yang sihat ini akan melahirkan warga NRE yang berfikiran kreatif dan inovatif dalam menjalankan kerja-kerja seharian di samping melahirkan idea-idea yang bernas untuk membangunkan sesebuah organisasi.

Antara faedah lain yang diperolehi adalah ia dapat meningkatkan semangat berpasukan dan mengeratkan silaturrahim di antara ahli pasukan, meningkatkan tahap kecergasan dan fikiran berinovasi dan

keaktiviti serta mendedahkan peserta kepada aktiviti bersenam melalui muzik.



## Kembara Taman Rekreasi Air Panas Sg. Klah, Sungkai, Perak

Oleh : Biro Sukan Rekreasi dan Sukan Rakyat, KESSO

Biro Sukan Rekreasi dan Sukan Rakyat, KESSO sekali lagi telah menganjurkan aktiviti kembara di Taman Rekreasi Air Panas Sg. Klah, Sungkai, Perak pada 27 November 2010. Program tersebut telah disertai oleh seramai 26 orang peserta termasuk pegawai JPS dan ahli keluarga. Ia merupakan satu aktiviti keluarga yang membolehkan ahli KESSO beserta ahli keluarga masing-masing untuk menghayati keindahan alam semulajadi dan mandi manda di taman rekreasi air panas tersebut.

Air panas yang mengandungi khasiat mineral dapat menyihatkan seisi keluarga serta boleh mencantikkan kulit, menyembuhkan pelbagai penyakit kulit dan menghilangkan tekanan. Di samping itu, aktiviti ini juga dapat mengeratkan silaturrahim, semangat muhibah dan kekeluargaan sesama warga JPS termasuklah keluarga masing-masing.

Antara tempat-tempat menarik yang terdapat di sana ialah kolam air panas, taman terapi, SPA keluarga, tempat merendam kaki, taman merebus telur, dan laluan pejalan kaki bagi meninjau aliran air panas semula jadi.

Taman rekreasi ini diuruskan oleh FELDA dan merupakan tempat rekreasi keluarga yang menarik. Kolam air panas juga adalah SPA semula jadi iaitu salah satu alternatif kepada pusat-pusat SPA moden.

